

Ruj Kami : MPAG 621/515 Jld 31 ()

Tarikh : Mac, 2019

Jamadilakhir, 1440 H

NOTIS SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM-CIDB) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	KETERANGAN KERJA	HARGA DOKUMEN TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARI DAN MASA LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DI JUAL	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
S6/2019	Kerja menaiktaraf garaj kenderaan, jalan dan tapak bancuhan medium tanaman di Nurseri Jabatan Pengindahan Bandar MPAG di IKS Air Paabas	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred G1 Kategori CE dan B Pengkhususan CE 21 dan B04	Jumaat 9.00 pagi 8/3/2019	Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Alor Gajah 8/3/2019 <i>sehingga</i> 15/3/2019	Jumaat 15/3/2019 Jam 12.00 tengahari
S7/2019	Kerja pembinaan gelanggang serbaguna dan taman permainan kanak-kanak di Taman Inang Sari, Durian Tunggal	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE 21	Jumaat 9.00 pagi 8/3/2019	Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Alor Gajah 8/3/2019 <i>sehingga</i> 15/3/2019	Jumaat 15/3/2019 Jam 12.00 tengahari

2. Segala butiran dan dokumen boleh didapati di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Alor Gajah semasa waktu pejabat **dari pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang.**

3. Kontraktor yang ingin memasuki sebutharga hendaklah menyediakan Wang Tunai / Wang Pos / Cek berharga **RM 50.00 senaskah atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah** sebagai bayaran Dokumen sebutharga dan **hanya pemilik lesen sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta sijil Taraf Bumiputera.** Lawatan tapak adalah diwajibkan dan berkumpul di Majlis Perbandaran Alor Gajah.

4. Untuk makluman syarikat yang ingin membeli dokumen sebutharga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai kontraktor dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah dengan yuran pendaftaran sebanyak RM 150.00 sekali sahaja dan mengemukakan

sesalinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta sijil Taraf Bumiputera.

5. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum atau pada **tarikh tutup** sebutharga iaitu **15 Mac 2019 (Jumaat)** jam **12.00 tengahari**. Majlis tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA BERWIBAWA”
“PINTAR,HIJAU,BERSIH”

Saya yang menjalankan amanah,

ZAMZURI BIN ARIFIN
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Alor Gajah.

SJ/mas/na/mstr/iklansebutharga

